

17 MAR 2001

Cuepacs-SSB

PERDANA MENTERI SETUJU SISTEM SARAAAN BARU DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya jadual gaji matriks dalam Sistem Saraan Baru (SSB) dikaji semula dengan serta merta oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Abdul Rahman Manan berkata, Dr Mahathir memberi persetujuan itu pada perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin kesatuan itu pada 14 Mac.

"Beliau dalam pertemuan itu menyatakan setelah hampir 10 tahun pelaksanaannya tetapi (SSB) masih tidak dapat diterima oleh sebilangan besar kakitangan kerajaan, beliau berpendapat ada baiknya sistem jadual gaji matriks dipinda atau diubahsuai supaya ianya dapat diterima oleh kakitangan awam secara keseluruhan," kata beliau pada sidang media di ibu pejabat Cuepacs hari ini.

Cuepacs juga telah diminta oleh Perdana Menteri untuk bersama-sama memainkan peranan membantu JPA dan kerajaan mencari penyelesaian segera terhadap isu ini yang telah berlarutan hampir 10 tahun sejak SSB dilaksanakan pada tahun 1992.

Sistem jadual gaji matriks ini tidak diterima sepenuhnya oleh Cuepacs, yang mendesak kerajaan menukar sistem ini, kerana beberapa kepincangan dalam sistem itu.

Antara kepincangan yang diutarakan oleh Cuepacs adalah penilaian prestasi tahunan yang dibuat pegawai penilai dan ketua jabatan tidak telus dan berlaku unsur pilih kasih dan penyelewengan dan walaupun 90 peratus kakitangan awam menunjukkan prestasi cemerlang setiap tahun hanya 5 peratus sahaja yang menikmati gaji melintang dan menegak.

Cuepacs juga tidak setuju dengan sistem tersebut kerana imbuhan gaji secara melintang dan menegak bagi pergerakan gaji P2 dan P3 akan dinikmati sehingga akhir hayat melalui pencen dan sebagainya dan mereka-mereka yang mendapat markah prestasi yang tinggi bagi tempoh tiga tahun kebelakangan sahaja berpeluang dinaikkan pangkat.

Abd Rahman berkata selaras dengan persetujuan Dr Mahathir berkenaan SSB, Cuepacs akan mengemukakan cadangan balas terbaru dengan beberapa pilihan selepas ianya diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kongres Cuepacs pada 25 Mac ini.

Beliau juga berkata dalam pertemuan pemimpin Cuepacs dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir juga telah memaklumkan bahawa kerajaan telah selesai mengkaji permohonan kesatuan sekerja itu supaya umur persaraan kakitangan awam dilanjutkan kepada 58 tahun dari 55 tahun kini.

Hasil daripada kajian itu, kerajaan mendapati beberapa perkara dan antaranya kakitangan awam pada masa ini bersara wajib pada hari pertama usia 55 tahun dan ini bermakna mereka hanya berkhidmat sehingga hari terakhir umur 54 tahun.

Yang kedua kajian itu mendapati jangka hayat rakyat Malaysia termasuk kakitangan awam telah meningkat dan ini bererti apabila mencapai 55 tahun kakitangan awam masih muda dan bertenaga.

Kajian itu juga mendapati kerajaan mengalami kerugian dari segi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran apabila seseorang kakitangan awam bersara pada usia 55 tahun.

"Setelah mengambil-kira perkara-perkara ini kerajaan akan menimbangkan supaya kakitangan awam bersara setelah mencapai usia 56 tahun...kerajaan sedang menguruskan perkara ini dan beliau (Dr Mahathir) berharap Cuepacs

dan kakitangan awam bersabar," kata Abdul Rahman.

Beliau berkata Perdana Menteri juga telah memberi jaminan untuk menimbang cadangan Cuepacs supaya elaun kritikal dibayar kepada kakitangan sokongan yang lain dalam Kementerian Kesihatan.

"Beliau meminta Cuepacs mengemukakan memorandum kepada beliau untuk dikaji oleh kerajaan dan memorandum ini akan dihantar secepat mungkin," katanya.

-- BERNAMA

SR ZS FAZ